

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL  
FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT  
AGUNG TAHUNAN KOPERASI  
KOSPETA MALAYSIA BERHAD KE-41**

**18 JUN 2023 (AHAD)**

**8.30 PAGI**

**HOTEL PAYA BUNGA, KUALA**

**TERENGGANU**

---

Bismillahirrahmannirrahin  
Assalamulaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Madani,

## (Salutasi oleh Penganjur)

1. Setinggi – tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana kerana dengan izin dan limpah kurnianya kerana pada hari ini kita semua diberikan peluang untuk berkumpul bersama bagi menghadiri Mesyuarat Agung

Tahunan Koperasi KOSPETA  
Malaysia Berhad kali ke-41.

2. Setinggi – tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak pihak pengurusan koperasi kerana menjemput saya bagi merasmikan mesyuarat pada pagi ini dan tidak lupa juga ucapan syabas anggota

koperasi yang sudi melapangkan masa untuk sama – sama kita pada petang ini.

3. Mesyuarat agung ini memberikan kita peluang untuk merenung dan merangkumi perjalanan kita sepanjang tahun lalu dan pada masa yang sama membincangkan

cara mendepani cabaran ekonomi masa kini yang penuh dengan ketidakpastian melalui perubahan pesat landskap ekonomi itu sendiri.

**Hadirin dan hadirat dihormati sekalian**

4. Cabaran masa kini memerlukan kita untuk beradaptasi dan mencari peluang baharu untuk pertumbuhan berterusan koperasi. Di tengah-tengah cabaran ini yang memberi impak kepada kehidupan anggota serta masyarakat, koperasi memainkan peranan yang sangat penting sebagai platform

dalam memastikan kesejahteraan mereka terpelihara.

5. Dalam usaha mendepani cabaran ini, koperasi harus terus memastikan kestabilan ekonomi anggota melalui pelbagai inisiatif. Ini termasuk menyediakan bantuan kewangan, peluang latihan dan

pembelajaran, serta perkhidmatan sokongan yang relevan bagi anggota koperasi.

6. Selain itu, koperasi perlu berperanan sebagai penjaga sosial yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat secara menyeluruh. Ini melibatkan

meluaskan impak positif koperasi dalam memajukan kehidupan komuniti di sekelilingnya.

7. Dalam konteks ini, koperasi perlu mengukuhkan usaha untuk meningkatkan pendapatan anggota melalui pembangunan perniagaan yang berdaya saing.

Melalui inisiatif yang berfokus pada pembangunan kemahiran, penggunaan teknologi, dan akses kepada pasaran yang lebih luas, koperasi dapat menjadi platform yang memberikan peluang ekonomi kepada anggotanya.

8. Di peringkat ANGKASA kita telah wujudkan Lapan Sektor Pembangunan Perniagaan Koperasi bagi memastikan koperasi berpeluang terlibat dalam perniagaan berimpak tinggi. Ini dilakukan melalui proses eksplorasi oleh ANGKASA dan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti

kerajaan dan juga pemain utama industri.

9. Anak – anak syarikat diwujudkan bagi menyediakan peluang kerjasama koperasi dalam sektor – sektor tertentu melalui proses inkubasi. Ini secara tidak langsung membantu koperasi turut serta

dalam perniagaan yang telah ‘matang’ dan kurangkan risiko kerugian jika dimulakan tanpa perancangan teliti oleh koperasi.

**Hadirin dan hadirat dihormati sekalian**

10. Selain itu, penting bagi koperasi untuk terus memperjuangkan keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar. Melalui amalan tanggungjawab sosial korporat, koperasi dapat menjadi contoh dalam mempromosikan pembangunan mampan dan

melindungi alam sekitar untuk generasi masa depan.

11. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengajak setiap anggota koperasi untuk aktif terlibat dan menyokong aktiviti yang dijalankan oleh koperasi. Kesatuan dan kebersamaan adalah asas

kejayaan kita dalam menghadapi cabaran ekonomi dan mewujudkan kesejahteraan yang berkekalan.

12. Koperasi juga perlu terus mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan lain, termasuk pihak kerajaan, pemain

utama industri, dan komuniti setempat. Melalui kerjasama yang berterusan, kita dapat memperkuatkan ekosistem koperasi dan mencipta peluang yang lebih besar untuk kejayaan bersama.

13. Alhamdullilah sebagai badan puncak gerakan koperasi,

ANGKASA sentiasa mendapat sokongan penuh oleh kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

14. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengajur yang telah menganjurkan mesyuarat pada hari ini dengan jayanya. Semoga melalui kerjasama dan semangat berkoperasi, kita dapat menghadapi cabaran dengan berjaya dan menjadi platform

kesejahteraan yang memberikan manfaat yang berkesan kepada anggota.

Saya dengan ini merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad kali ke – 41.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.